

Pencerahan hukum dan fatwa

peristiwa

BAGI menjalankan kajian dengan pantas dalam penentuan hukum dan fatwa mengenai isu yang timbul, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) baru-baru ini mengadakan memorandum persefahaman (MoU) bersama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha berkata, menerusi perkongsian itu pelbagai kekeliruan semasa yang timbul membabitkan penentuan hukum dan fatwa dapat ditentukan dalam tempoh yang singkat iaitu sekarang-kurangnya dua bulan.

MoU itu juga tambahnya, bagi memberi penjelasan kepada masyarakat berhubung segala isu dan kekeliruan yang membabitkan penentuan hukum dan fatwa timbul yang masih belum diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan sebelum ini.

"Perubahan semasa menimbulkan pelbagai isu berbangkit yang memerlukan penentuan hukum dan fatwa. Berkongsi kepakaran bersama pihak universiti yang terbabit, para pengkaji akan meneliti semula dan membuat kajian mengenai akta atau

ketetapan yang sedia ada untuk membuat menentukan.

"Ia bagi membolehkan Jakim dalam memberi penjelasan kepada masyarakat mengenai sebarang isu semasa yang timbul di samping tuntutan segelintir pihak khususnya golongan liberal yang memerlukan kepada penentuan hukum dengan segera," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Akidah 2014 dan Majlis menandatangani MoU kefatwaan antara Jakim bersama USIM dan UTM di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, baru-baru ini.

Turut hadir Mufti Wilayah Persekutuan, Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri; Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad mewakili USIM; Pengarah Kampus UiTM Kuala Lumpur, Profesor Dr. Hamdani Saidi mewakili UTM dan Pengurus Besar Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan, Zabidi Nasan.

Menerusi MoU itu juga, Jakim dengan kerjasama USIM dan UTM turut akan menganjurkan program-program berkaitan pencerahan hukum dan fatwa, pelantikan felo fatwa, di samping melakukan penterjemahan keputusan fatwa dalam bahasa Inggeris dan Arab.

Bagaimanapun, Othman berkata, kajian hanya dilakukan bagi isu baharu

semasa yang belum pernah ditentukan oleh Jabatan Fatwa Kebangsaan sebelum ini, manakala bagi yang sedia ada akan dikekalkan.

Sebanyak empat kertas kerja dibentangkan pada seminar tersebut yang bertajuk 'Kelestarian Fatwa Dalam Membina Keutuhan Negara', 'Fatwa Akidah di Malaysia: Realiti dan Cabaran', 'Inisiatif Penguatkuasaan Kes Jenayah Akidah', dan 'Persediaan dan Cabaran Pendakwah Kes Jenayah Akidah'.

Othman berkata, Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Akidah itu diharap dapat memberi kefahaman kepada peserta yang terlibat untuk disebarkan kepada masyarakat umum bagi menangani ancaman akidah yang dilihat semakin serius di negara ini.

"Dewasa ini ancaman akidah terhadap umat Islam tidak hanya tertumpu kepada ajaran yang menyeleweng daripada fahaman Ahli Sunah wal Jamaah, tetapi juga ancaman bersifat pemikiran moden seperti hak asasi manusia berlandaskan pemikiran barat, liberalisme dan pluralisme.

"Ancaman ini lebih bahaya kerana tidak dapat dilihat oleh mata kasar tetapi mampu mempengaruhi pemikiran umat Islam sehingga menjejaskap akidah mereka," katanya.

- MOHD. SHAH CHE AHMAD



OTHTMAN MUSTAPHA (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan **Musa Ahmad** (dua dari kanan) selepas menandatangani MoU kefatwaan di ILIM, Bangi, baru-baru ini.